

Maklumat Komoditi : Peria Katak

Maklumat Umum

Peria katak atau dikenali dengan nama *bitter gourd* dalam bahasa Inggeris merupakan pokok menjalar dari famili Cucurbitaceae yang ditanam sebagai sayuran jenis buah. Tanaman yang nama saintifiknya *Momordica charantia* dikatakan berasal dari kawasan tropika dan kini banyak ditanam di kawasan Asia Selatan, Asia Tenggara, China dan juga Caribbean. Kebiasaannya peria katak jarang dimasak bersama sayur-sayuran lain kerana rasanya yang pahit. Walaubagaimana pun mengikut petua, untuk menghilangkan rasa pahitnya, peria katak yang telah dipotong direndam dalam air garam sebelum dimasak. Selain buahnya, tunas dan daun muda peria katak juga boleh dijadikan sayur. Buah peria katak mempunyai kandungan kalori yang rendah, namun diperkaya dengan pelbagai nutrisi yang berguna seperti vitamin B1, B2, B3, vitamin C, magnesium, folat, zink, fosforus, mangan, serta tinggi dengan kandungan serat makanan.

Kesesuaian Tanaman

Kesesuaian Tanah

Tanaman Peria Katak sesuai ditanam di kebanyakan jenis tanah di Malaysia. Pengurusan yang lebih rapi diperlukan sekiranya tanaman ini ditanam di tanah yang sederhana sesuai bagi mencapai potensi hasil yang menguntungkan. Sifat dan kesesuaian tanah bagi tanaman Peria Katak adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Sifat dan Kesesuaian Tanah bagi Tanaman Peria Katak.

Sifat Tanah	Kesesuaian Tanah	
	Sesuai	Sederhana Sesuai
Kecerunan	0-6°	6-12°
Saliran	- Tak sempurna salir ke agak tak sempurna salir. Paras naik turun air berada pada kedalaman 50-75 cm dari permukaan.	- Kurang salir ke agak salir. Paras naik turun air berada pada kedalaman 25-50 cm dari permukaan. - Sederhana salir ke salir. Paras naik turun air berada pada bawah 75 cm dari permukaan air tanah rendah.
Kedalaman tanah yang sesuai (ke lapisan padat/batu, asid sulfat)	≥ 50 cm	25-50 cm
Tekstur dan struktur	Kandungan liat : >18-35% atau kandungan liat : >35% dan tanah gembur.	Kandungan liat : 10-18% atau Kandungan liat : >35% dan agak padat.
Kemasinan	<0.5 dS/cm (Sangat rendah)	0.5-1.0 dS/cm (Rendah)

Sumber: Jabatan Pertanian, 2018

Penyediaan Tanah

Bajak dan gemburkan tanah sedalam 15-22 cm. Sediakan batas berukuran 1.2 m lebar dan 25 cm tinggi. Panjang batas mengikut keadaan kawasan. Jarak antara batas ialah 30 cm. Gaulkan tahi ayam reput sebanyak 25 kg bagi 50 meter persegi kawasan. Plastik Penutup batas berukuran 2 meter lebar dan 20 meter panjang segulung digunakan bagi menutup keseluruhan batas tanaman.

Pengairan Dan Saliran

Penyiraman dijalankan 2 kali sehari.

Sistem Penanaman

Sistem tanaman satu baris dengan 2-3 biji benih selubang. Jarak tanaman yang disyorkan adalah 60 cm x 150 cm dengan kedalaman 2-3 cm (9,750 pokok/ ha). Apabila benih yang telah bercambah, penjarangan dilakukan hanya tinggalkan hanya satu pokok bagi setiap lubang.

Kayu pancang dipacak berhampiran dengan anak benih dan dicondongkan ke arah dalam supaya bertentangan dan bersilang di bahagian hujung kayu pancang. Kemudian letakkan pula kayu di atasnya dengan melintang pancang-pancang yang bersilang tadi. Ikat dengan tali raffia untuk mendapatkan sokongan yang kuat. Jarak kayu pancang 0.6 m x 0.6 m dengan ukuran kayu 2 m panjang dan bergaris pusat 2.5 – 3.0 cm, seterusnya ditanam dalam 2 baris.

Sistem penyokong para dawai perlu dibuat sebelum pokok mencapai tinggi lebih kurang 20 cm dan mengeluarkan sulur-sulur paut. Kayu turus dipacak dengan jarak 4 meter persegi. Dawai kasar dipasang menghubungkan kayu turus dan diikuti dawai sederhana di atas batas, di antara dawai kasar. Sulur-sulur paut pokok diikat ke para-para dawai dengan tali raffia. Seterusnya pukat dipasang merentasi batas di antara dua kayu turus. Saiz pukat adalah 30 m x 1.5 m per gulung.

Sistem Pembajaan

Gunakan baja NPK Green (15:15:15) sebanyak 200 kg/ ha pada minggu ke 2 dan ke 4 serta baja NPK Blue (13:13:20:2) sebanyak 200 kg/ ha pa minggu ke 6 dan ke 9 selepas menanam.

Penuaian

Buah Peria Katak yang matang dituai menggunakan pisau tajam dan di kumpulkan mengikut gred.

Varieti

Bil.	Varieti
1	Tiada